

*With Best Compliments
from*

**LIM KHENG KIM
SDN. BHD.**

82-H, FREE SCHOOL ROAD,
PENANG.

TEL: 67693 & 22430

BUTTERWORTH PRODUCTS & INDUSTRY SDN. BHD.

SAND & GRANITE SUPPLIERS
TRACTOR WORK & BUILDING CONTRACTORS

**JAWATANKUASA PENERBITAN
JURNAL SEJARAH
ANJURAN
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG**

- PENASIHAT*** : Pengarah Pelajaran, Pulau Pinang
Pengerusi, Lembaga Muzium, Pulau
Pinang
- KETUA PENGARANG*** : Haji Mohd. Said b. Haji Mohd. Radzi,
P.J.K.
- SIDANG PENGARANG*** : Encik Ahmad Farouk b. Abdul Majid P.J.K.
Encik Abdul Rani b. Pawancheek
Encik Tan Beng Boo
Encik Mohd. Azli b. Mohamed
- PENGURUS PENERBITAN*** : Encik Ahmad Farouk b. Abdul Majid P.J.K.
Encik Tang Hon Yin
Encik Ishak b. Ahmad
- IKLAN/PABLISITI*** : Encik Kassim b. S. Farsee
Encik Mohamed b. Alias
- PASARAN*** : Encik Daud b. Taha P.J.M.
- KEWANGAN*** : Haji Shabuddin b. Hj. Mohd. Noor
-

**JAWATANKUASA KERJA
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN PULAU PINANG 1980/81**

- Yang Di Pertua* : Datuk Mohamed bin Yeop Abdul Raof
D.M.P.N., J.M.N., K.M.N.
- Naib Yang Di Pertua* : Encik Saw Chu Thong K.M.N. Sehingga
31.7.80
Encik Abdul Razak b. Ator SMP, AMP,
mulai 1.8.80
- Pengarang Kehormat* : Encik Ahmad Farouk b. Abdul Majid PJK
1.8.80
- Setiausaha Kehormat* : Encik Kassim bin. S. Farsee
- Bendahari Kehormat* : Hj. Shabuddin bin. Hj. Mohd. Noor
- Ahli Jawatankuasa* : Haji Mohd. Said b. Hj. Mohd. Radzi PJK
Encik Ong Leng Gin P.J.M.
Encik Ong Poh Kee
Puan Anwar Fazal
Encik Arthur Durairaj
Cik Noraini bt. Din
Puan Choong See Chan
Puan Lee Hong Lean
Cik Lee Chin Khean
- Juruodit Kehormat* : Encik Hussain bin Salleh
-

KANDUNGAN

SUMBANGAN	TAJUK	MUKASURAT
Persatuan Sejarah, Sekolah Menengah Lelaki Methodist, Pulau Pinang.	Setengah Daripada Nama-Nama Cina Untuk Jalanraya Di Pulau Pinang	1 - 3
Sekolah menengah Convent Lebu Light, Pulau Pinang.	Adat Istiadat Perkahwinan Cina.	4
Sekolah Menengah Convent Lebu Light, Pulau Pinang.	Alat-Alat Muzik Melayu	5 - 8
Puan Robiah bt. Said B.A.DIP. PENDIDIKAN Cik Khadijah bt. Mustafa B.A.(HONS) DIP. PENDIDIKAN	Adat Istiadat Perkahwinan orang Melayu Di Pulau Pinang.	9 - 12
Sekolah Menengah Chung Hwa Confucian, Pulau Pinang.	Sejarah Perkhidmatan feri, Pulau Pinang.	13 - 14
Encik Tan Beng Boo	Fort Cornwallis	15 - 16
Museum Board, Penang.	The History Of Fort Cornwallis	17 - 22
Gilbert Khoo	British Search for a Part in Malaysia:- The Penang Story (Part I)	23 - 32
The Editorial Board, School Magazine 1978.	The History of St. Mark's School	33 - 35
Jagder Singh	Perkembangan Sejarah dan Kebudayaan Orang-orang Sikh di Malaysia	36 - 42
Encik Tan Beng Boo	Suffolk House	43 - 44

Rencana Pengarang

Bagi pihak Sidang Pengarang saya bersyukur pada Allah dan mengucapkan terimakasih kepada semua pihak terutamanya kepada penulis-penulis artikel yang berkenaan yang mana membolehkan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pulau Pinang menerbitkan keluaran kedua Jurnalnya 'Mutiarā' tahun 1980.

Pulau Pinang yang dikenal sebagai Pulau Mutiara kerana keindahannya adalah sedang pesat berubah membangun, menjadi sebuah negeri perusahaan dan sebagai sebuah Pulau tumpuan pelancang daripada seluruh dunia. Pulau Pinang juga kaya dengan sejarahnya. Maka langkah baiknya sekiranya di dalam perubahan pesatnya itu dijaga dan dipertahankan aspek-aspek sejarahnya yang kaya itu dan dengan itu Pulau Mutiara ini benar-benar sebagai mutiara yang mempunyai nilai yang tidak terhingga: kaya dengan keindahan semula jadi pulaunya: kaya dengan pembangunan mengikut kemajuan masa dan kaya dengan tinggalan sejarahnya.

Didalam keluaran ini terdapat beberapa artikel mengenai sejarah negeri Pulau Pinang yang masih mempunyai kesan tinggalan atau menjadi historical monument bagi negeri ini. Yang dimaksudkan ialah artikel-artikel mengenai Fort Cornwallis dan Rumah Suffolk.

Kita berasa bangga kerana pihak yang berkenaan telah mempertahankan dan menjaga Fort Cornwallis sehingga membolehkan bangunannya itu tegak bersama bangunan-bangunan lain seperti bangunan-bangunan Dewan Undangan Negeri, Jabatan Imigresen, Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam, Bangunan Tuanku Syed Putra, Bangunan Jam Tinggi dan sebagainya yang merupakan deretan rekabentuk bangunan daripada berlainan masa dan pengaruh. Kawasan ini ditambah dengan adanya ferry adalah merupakan satu kawasan yang membawa identiti tersendiri yang menarik bagi Pulau Pinang yang mesti dipertahankan.

Tetapi tentang Rumah Suffolk, kita belum lagi dapat kepastian dan melihat pihak-pihak berkenaan mengambil tindakan positif mengekal dan menjaganya.

Kita harus membuat penelitian daripada sekarang aspek-aspek yang bernilai dari segi sejarah dan keindahan semula jadi pulau ini yang harus dipertahankan. Kerana kalau kita lalai maka semua itu akan habis ditelan lereng oleh pembangunan yang saya katakan diatas sedang berlaku dengan pesatnya di negeri ini.

Berdasarkan ini, dalam keluaran kedua 'Mutiarā' ini sekali lagi saya menyeru kepada peminat-peminat sejarah tempatan negeri Pulau Pinang supaya menulis artikel-artikel sejarah untuk jurnal ini dan dengan adanya artikel-artikel itu akan dapat menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan untuk membuat penilaian dan tindakan sewajarnya seperti harapan diatas tadi selain daripada telah dirakamkan cerita sejarah itu dalam jurnal ini untuk tatapan generasi akan datang.

(MOHD. SAID BIN HAJI MOHD. RADZI)

Setengah Daripada Nama-Nama Cina Untuk Jalanraya Di Pulau Pinang

Sumbangan Persatuan Sejarah, Sekolah Menengah Lelaki Methodist, Pulau Pinang.

- Leboh Ah Quee:** Hokkien: A Kui Ke – dinamakan mengikut nama Kapitan Ah Quee yang telah menghadiahkannya kepada Kerajaan Bandaraya.
- Jalan Bagan Jermal** : Hokkien: Oan - to - lo, maksud "oan-to" ialah telok.
- Leboh Chulia** : 1. Diantara Leboh Pantai dan Leboh Pitt, disebutkan "Kiet - leng - a ke" dalam bahasa Hokkien. Maksudnya – Leboh Kling, kerana ramai bilangan pedagang orang Kling yang telah tinggal di kawasan itu.
2. Diantara Leboh Pitt dan Lorong Love, disebutkan "Toa mui lau" dalam bahasa Hokkien. Maksudnya – pintu gerbang. Pada masa dahulu adanya dua buah pintu gerbang bagi sebuah rumah yang besar yang mempunyai kawasan yang luas.
3. Diantara Leboh Love dan Jalan Pinang (Penang Road) – Hokkien "gu - kan - tang" oleh kandang (kan-tang) lembu (gu) yang telah didapati.
- Leboh Gereja** : Hokkien – Gi - lin - ke, dinamakan oleh kerana rumah kongsi gelap Gi Hin yang telah terletak di situ.
- Jalan Dato Keramat** : 1. Diantara Balai Magazine dan Balai Dato Keramat. Hokkien: "Kam - a hui" oleh kerana pada masa dahulu telah adanya sebuah estet (a hui) oren (kam).
2. Diantara Balai Dato Keramat dan penjara. Hokkien: "Si kham - tiam", maksudnya empat buah kedai, kerana pada masa dahulu terdapat hanya empat (si) buah kedai (kham-tiam) saja.
- Jalan Jelutong** : Hokkien: git - loh - tong lo, ialah sebutan Hokkien bagi jelutong. Bahagian bandarnya disebut "e tong" dan bahagian luar bandarannya disebut "ten - tong" atau "siang - tong".
- Jalan Kedah** : Hokkien: "Kam kong ma lak kah" iaitu "Kampung Melaka". Bahasa Cantonese – "ku phai kun". Maksudnya 'rumah lesen yang lama'; ini dirujuk kepada Hospital Lock yang telah terletak ditempat Chowrasta Dispensary.

- Jalan Kuala Kangsar** : Hokkien: "Hoan - a hi - hui ke". Maksudnya 'panggung orang asing'. Kerana terletaknya sebuah panggung orang Melayu di kawasan itu. Bahasa Cantonese: "Malai hiu kai". Maksudnya 'lebuah panggung orang Melayu'.
- Jalan Macalister** : Hokkien: "Tion lo" maksudnya jalan pertengahan, kerana ia terletak di tengah-tengah diantara enam buah jalan yang bertemu di Magazine.
- Gat Lebuah Melayu** : Hokkien: "Yhai gu hang lo thau", maksudnya permulaan jalan untuk rumah sembelih.
- Lorong Pasar** : Hokkien: "Kong hok ku hang", nama bagi Penang Mutual Improvement Association; bangunannya telah terletak di lorong ini. Bahasa Cantonese - "Yi nai", maksudnya lorong gundik, kerana rumah-rumah dilorong itu telah didahului oleh mereka.
- Lebuah Pasar** : Hokkien: "Pa sat ke", pa sat ialah sebutan bahasa Hokkien bagi pasar.
- Jalan Maxwell** : 1. Diantara Lebuah Bridge dan Jalan Gladstone. Hokkien: "chha tia" maksudnya kayu api. Di tempat inilah dimana kayu api telah di jual.
2. Diantara Jalan Gladstone dan Penang Road. Hokkien "Khai Heng Be bi - ka" maksudnya kilang padi Chop Khai Heng Be. (Jalan ini dan Jalan Prangin juga disebut "kang a ki" maksudnya tebing sungai, kerana berhampiran dengan Parit Prangin.
- Lorong Muda** : Hokkien "Yhai - ko hang" maksudnya lorong bagi penyakit kusta, kerana ramai mangsa kusta telah tinggal disini. Mereka dibantukan oleh seorang hartawan bangsa Cina.
- Lebuah Muntri** : 1. Hokkien: "Sek - lan - ni lang" iaitu lorong serani.
2. Hokkien: "Lam hoa i-i ke" iaitu lebuah Lam hoa hospital, dinamakan kerana sebuah hospital China yang telah terletak di situ.
3. Hokkien: "Sin hai-lam kongsi ke" iaitu jalan kongsi hailam baharu; dinamakan mengikut nama bangunan baharu kongsi hailam.
- Jalan Northam** : Hokkien "Ang mo lo", iaitu jalan rambut merah, maksudnya tempat duduknya orang Eropah. Bahagian Jalan Northam yang bersambung dengan Penang Road juga dikenali "Ang mo-ku thiong" iaitu perkuburan lama rambut merah, iaitu perkuburan bagi orang Kristian.
- Penang Road** : 1. Dekat Lebuah Chulia: Hokkien "Tiau - lang ke" iaitu lebuah mengantung orang kerana penjenayah telah digantung di situ.

2. Kawasan Pasar Chowrasta: Hokkien "Ku kha - khu" iaitu penjara lama, yang telah terletak bertentangan dengan Pasar Chowrasta.
 3. Dekat Parit Prangin: Hokkien "Yiau Kio thau" iaitu permulaan jambatan gantung di atas Parit Prangin. Nama umum bagi seluruh kawasan ini ialah Titi Papan.
- Lebuh Pitt** : Diantara Lebuh China dan Lebuh Chulia. Hokkien "Yao ka-lai" iaitu balai besar, kerana terletaknya Balai Polis Lebuh Pitt.
- Lorong Prangin** : Hokkien "Kiam hu tia" iaitu 'halaman ikan kering' kerana ikan kering telah dikeringkan di halaman kedai-kedai di Jalan Prangin.
- Rope Walk** : 1. Hokkien "Gi - hok ke" iaitu Jalan Gi Lock, kerana rumah kongsi gelap Gi Lock terletak di situ.
2. Hokkien "Phah soh hang" iaitu lorong membuat tali, kerana tali-tali dari sabut kelapa telah dibuat di situ.
- Jalan Sungai Ujong** : Hokkien "Ho Chio tia" iaitu 'halaman lada' kerana lada telah dikering di situ.

(Bahan Rujukan : Chinese Names of Streets in Penang. (Lo Man Yuk).
Journal of the Straits Branch, Royal Asiatic Society
33 : 197 - 246. January 1900.

1. (UPACARA)

ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN CINA

Sumbangan Sekolah Menengah Convent Lebu Light, Pulau Pinang.

Lazimnya, dalam adat istiadat perkahwinan Cina, mempelai iaitu pengantin lelaki, akan pergi ke rumah pomu atau pengantin perempuan. Seorang budak yang lebih di kenali sebagai kudang, akan menyambut ketibaan mempelai di rumah pomu. Adalah biasanya, semasa menunggu pomu, mempelai itu akan dihidang dengan teh. 'Ang - Pow' pula diberi sebagai balasan untuk menunjukkan tanda terima kasih. Kemudiannya, pomu yang sedang menunggu di biliknya, akan dijemput keluar oleh mempelai sendiri. Lepas itu, kedua-dua pengantin akan ditandu ke rumah mempelai.

Biasanya juga, bila mereka tiba di rumah mempelai, kedua-dua pengantin itu terpaksa menunduk sesama mereka sendiri tiga kali. Ini adalah penting kerana menunjukkan mempelai telah menyambut kedatangan pomu ke rumahnya.

Selepas upacara menyambut kedatangan pomu itu selesai, mereka pun masuk ke dalam rumah mempelai dimana selendang pomu akan dibuka oleh mempelai. Berikutan adalah kebiasaan orang Cina yang sangat penting iaitu memberi penghormatan kepada nenek-moyong mereka dengan menunduk tiga kali dihadapan tempat mujaan, selepas diberi isyarat oleh 'Orang Tengah'.

'Orang tengah' yang boleh dikatakan bertanggungjawab keatas sesuatu perkahwinan itu, akan menjemput kedua-dua mertua pomu untuk istiadat jamuan penghidangan teh. Teh itu akan dihidang oleh pomu, yang sedang melatut dengan bantuan 'orang tengah' itu. Kedua-dua mertua itu pula akan membalas jamuan penghidangan teh itu dengan pemberian 'ang - pow'.


Setelah dijalankan semua adat istiadat perkahwinan itu, kedua-dua pengantin itu akan berihat di bilik mereka.

11.

ALAT-ALAT MUZIK MELAYU


Sumbangan
Sekolah Menengah Convent Lebu Light,
Pulau Pinang.

CHELEMPONG




Alat ini dibuat daripada tembaga, bermuka licin dan badannya melengkong ke bawah. Pada sebelah atasnya pula, berbentuk jendol. Pada bahagian badannya, ada empat buah lubang, melaluinya dua utas tali (dawai) dimasukkan untuk menguatkan lagi kedudukan alat-alat ini. Alat muzik ini digunakan oleh orang-orang Melayu di Kelantan dalam pertunjukan Wayang Kulit, Manora, Main Putri dan mengiring tarian-tarian. Chelempong ini diketok dengan pengetok kayu. Biasanya dimainkan dalam tiga pasang atau lebih dan tiap-tiap satu itu berlainan bunyinya. Ianya berasal dari negeri Kelantan dan juga dimainkan di Orkes Melayu untuk mengiring tarian-tarian.

GONG




Gong adalah alat bunyian Melayu yang tua. Boleh dikatakan semua orang Melayu kenal akan gong ini. Ia selalu digunakan untuk mengiringi wayang kulit, ma'young dan tarian-tarian Melayu asli juga untuk pengistiharan umum. Ada 4 buah gong yang berbeza besarnya. Gong ini disangkutkan pada tempatnya yang diperbuat daripada kayu, bertiang dua yang ta'sama tingginya. Atasnya ada ukiran kayu yang melengkong seperti perahu. Gong ini dibuat oleh tukang-tukang besi dari negeri Kelantan. Gong ini dibunyikan atau diketok sesekali sahaja, tidak berturut-turut dengan pengetok yang diperbuat daripada kayu. Dihujung kayu yang bulat itu dibalut dengan getah. Bentuk gong ini hampir sama dengan tetawak. Bezanya hanya tentang bunyinya. Menurut orang yang ahli, walaupun bentuknya nipis tetapi jika bunyinya kuat, ia boleh dipanggil gong, begitu jugalah sebaliknya. Orang yang memukul gong ini juga terdiri daripada orang yang ahli dan pilihan.

REBANA ANAK



Berasal dari negeri Kelantan dan dibuat daripada kayu, rotan dan atasnya ditutup dengan sejenis kulit. Digunakan semasa mengadakan perayaan bersunat, nikah kahwin, pijak tanah dan adat istiadat di kampung-kampung. Untuk meninggikan suara lebih daripada Rebana Ubi sewaktu dimainkan dalam kumpulan bunyian-bunyian itu.


REBANA UBI



Rebana ada tiga jenis: Rebana Besar, Rebana Ubi dan Rebana Kecil. Diperbuat daripada kayu merbau. Mukanya daripada kulit kambing yang lembut, di regang dengan rotan dan dipasak dengan 15 kayu-kayu kecil yang sama ukurannya. Rebana-rebana ini diletakan diatas tapaknya yang bulat. Untuk mencantikkannya seperti Rebana Ubi, diwarnakan dengan chat-chat merah, putih dan hijau.

Rebana Besar tidak diwarnakan seperti Rebana Ubi. Pada Rebana Ubi, terdapat 15 tompok-tompok warna hitam dan kuning. Alat ini sangat terkenal dikalangan orang-orang Melayu terutamanya bagi orang-orang pantai timur. Ianya digunakan dalam 'Permainan Putri' istiadat-istiadat seperti perkahwinan, bersunat, pijak tanah bagi pertama kali anak yang baru lahir dan upacara-upacara kampung dan sawah-sawah padi.


KERTOK KAYU (KERANTONG)



Alat ini berasal dari negeri Perak. Benda ini dibuat daripada kayu bulat dan panjang yang ditebuk pula ditengah-tengah jadi berlubang.

Digunakan untuk sembuyan tanda bahaya tiba, dan alamat masuk waktu sembahyang di surau-surau dan masjid-masjid di kampung dan juga digunakan untuk lain-lain pengistiharan umum.

GEDOK ANAK DAN GEDOK IBU




Gedok anak berasal dari negeri Kelantan.

Gedok ibu juga berasal dari negeri Kelantan. Kedua-dua Gedok anak dan ibu ini, digunakan didalam pertunjukan Wayang Kulit dan Tarian Manora.

Gedok anak dan ibu ini berbentuk seperti bakul dan badannya dibuat daripada kayu yang berlapakkan kulit lembu pada kedua-dua hujungnya. Kulit-kulit itu terletak rapi dengan memasukkan buluh kecil dan runcing kedalam regangan yang sama jaraknya. Regangan itu dibuat daripada tali yang berasal daripada kulit, diletakkan pada dua kayu panjang yang telah disediakan.


GEDOMBAK



Alat ini berasal dari negeri Kelantan. Dibuat daripada kayu coklat yang berbentuk seakan-akan pemukul. Bawahnya bulat panjang dan bulat besar di atas. Mukanya daripada kayu yang diregang dengan rotan dan diletakkan pada tengah-tengah kayu bulat itu.

Digunakan di pertunjukan Wayang Kulit, Manora dan Tarian-tarian Melayu Asli.

GENDANG



Dibuat daripada kayu yang berwarna coklat. Mukanya licin dan berbentuk bulat dan panjang dan diletakkan kulit pada kiri dan kanan yang diikat erat dengan rotan berbentuk zig - zig . Ikatannya yang dibuat daripada tali dan diletakkan kedua-dua hujungnyanya pada rotan bulat.

Berasal dari negeri Kelantan.

Digunakan pada waktu pertunjukan Wayang Kulit, Ma'Yong dan Tarian-Tarian Melayu Asli.

ADAT ISTIADAT PERKAHWINAN ORANG MELAYU DI PULAU PINANG.

oleh

Puan Robiah bt. Said B.A. DIP. PENDIDIKAN
Cik Khadjah bt. Mustafa B.A.(HONS) DIP. PENDIDIKAN

Pengenalan: Adat ini dijalankan di dalam beberapa peringkat:-

Peringkat I:

Adat Merisik:

Di sini pihak wakil lelaki cuba merisik berkenaan dengan gadis yang akan dipinang itu melalui sanak-saudaranya atau jiran tetangganya. Mereka akan merisik tentang latarbelakang si gadis itu seperti tentang budi bahasa, kebolehan memasak, menjahit serta menguruskan rumahtangga. Perkara mengenai menguruskan rumahtangga dan sopan santun sangat-sangat dipentingkan sekali. Disamping itu mengenai keturunan, kedudukan keluarga si gadis juga dibicarakan.

Selepas itu wakil daripada pihak lelaki (sanak-saudara/ibunya sendiri) akan datang ke rumah jiran si gadis tadi dengan tujuan untuk melihat sendiri si gadis itu. Ini dijalankan secara tidak berterus-terang. Kadang-kadang diintip dari rumah jiran. Jika ia tidak berpuas hati melihat dari jarak jauh dia akan datang ke rumah si gadis itu dengan berpura-pura meminta air dari gadis itu. Dengan ini ia sendiri akan berpeluang melihat wajah gadis tadi. Selepas itu ia akan pulang dan memberitahu kepada si teruna tadi samada dia bersetuju atau tidak untuk meminang. Jika dipersetujui maka ia akan menghantar wakil untuk meminang gadis itu.

Peringkat II:

Istiadat Meminang:

Pihak lelaki menghantar wakil ke rumah perempuan untuk melamar gadis tadi. Pihak gadis akan berunding tentang lamaran tadi jika dipersetujui mereka akan memberitahu pihak lelaki tentang persetujuan itu.

Setelah itu pihak lelaki akan menghantar tepak sirih bersama dengan sebungkus cincin pertunangan pada hari yang ditetapkan oleh kedua-dua belah pihak. Selalunya pada hari ini diadakan sedikit kenduri yang hanya dihadiri oleh keluarga yang terdekat dan orang-orang tua kampung. Semasa cincin disarungkan kepada bakal pengantin perempuan oleh bakal mertua pengantin itu, biasanya gula akan disuapkan sedikit ke mulut gadis itu oleh beberapa orang tua. Sejak dari hari itu maka sahlah ikatan pertunangan diantara gadis dan teruna tadi.

Peringkat III:

Hantaran Belanja:

Selepas pertunangan, kedua-dua belah pihak pula akan berunding untuk menentukan hantaran belanja bagi pengantin perempuan. Selalunya pada masa ini

pihak perempuan akan menentukan jumlah hantaran belanja, pakaian dan lain-lain keperluan yang patut dibawa pada hari hantaran belanja diadakan. Selalunya ditetapkan barang-barang seperti berikut:-

- i) Wang (mengikut masa dahulu lebih-kurang \$500/-) jumlah ini mengikut kedudukan keluarga pihak perempuan. Contoh, kalau kaya hantarannya lebih dan kalau miskin kurang sedikit daripada jumlah ini. Ini ditentukan oleh keluarga masing-masing dalam masyarakat.
- ii) Pakaian sepersalinan termasuk sepasang pakaian, sepasang kasut dan beg tangan.
- iii) Sebentuk cincin berlian.
- iv) Sepasang gunting atau pisau lipat kecil
- v) Alat-alat solek
- vi) Beberapa buah talam yang selalunya di isi gula dan buah-buahan. Jumlah talam selalunya 5, 7, 9 (pihak perempuan akan membalas bekas tadi lebih daripada pihak lelaki). Contohnya kalau diberi lima maka pihak perempuan akan membalas tujuh dan seterusnya.
- vii) Pokok sirih yang dihiasi dengan bunga-bunga yang indah. Pada hari itu diadakan majlis kenduri secara sederhana. Kaum keluarga semuanya dijemput. Pokok sirih dihantar pada waktu siang bersama-sama dengan barang-barang hantaran yang lain. Di sini diadakan pertukaran barang-barang tadi. Pihak perempuan akan membalas kembali barang-barang dalam bentuk kueh-mueh, nasi yang istimewa dan bersama dengan ayam golek.

Pada malam harinya baharulah kedua bakal pengantin itu diijab kabulkan. Semasa diangkat nikah ini kedua-dua bakal pengantin akan disertai oleh dua orang saksi. Selepas itu bakal pengantin tadi diletakkan pada tempat yang istimewa dinamakan 'tikar sila'.

Pada ketika ini bakal pengantin perempuan ditempatkan di dalam bilik bersama-sama dengan teman perempuannya yang lain. Semasa upacara itu hendak dijalankan bapa si gadis yang menjadi wakil kepada bakal pengantin perempuan akan menanyakan perempuan tadi semada ia bersetuju atau tidak untuk dikahwinkan. Selalunya perempuan itu akan memberi jawapan 'ya' yang bermakna ia telah bersetuju dan diadakan suap gula bagi si perempuan. Kemudian upacara ijab kabul pun diteruskan. Dengan ini sahlah mereka dari segi ugama sebagai suami-isteri. Tetapi dari sosial mereka tidak bebas bergaul seperti suami-isteri.

Selepas beberapa hari diadakan pula 'adat menyiram' sireh. Wakil daripada pihak lelaki akan membawa pisang emas dan susu untuk diberikan kepada keluarga perempuan. Kemudiannya mereka akan mengadakan perundingan untuk menentukan hari perkahwinan.

Peringkat IV:

Hari Perkahwinan:

Selalunya di hari ini diadakan majlis kenduri bagi kedua-dua belah pihak. Pihak

lelaki bersetuju menetapkan hari perkahwinan. Biasanya hari perkahwinan diadakan lebih awal di rumah pengantin perempuan daripada pengantin lelaki sebelum hari perkahwinan persiapan diadakan seperti:-

- i) Pergi menjemput ke rumah-rumah sanak-saudara yang jauh dan dekat serta jiran-jiran sekampung tanpa mengira kaya dan miskin, kecil, besar, tua dan muda.
- ii) Menyediakan tirai dan kelambu, bantal, kain cadar dan sebagainya.
- iii) Persiapan kueh-mueh seperti dodol, halwa maskat, kueh bakar, kueh kering, kueh pemiram, putu kacang, putus beras dll.
- iv) Menyediakan tempat bunga-bunga yang menarik.
- v) Menyediakan bunga telur.
- vi) Membuat pelamin yang dihiasi dengan bunga-bunga. Pelamin dibina daripada papan yang lebih tinggi sedikit daripada lantai yang biasanya berbentuk empat persegi. Lanya dibina cukup untuk dimuatkan kedua-dua pengantin ini. Pelamin ini dihampar dengan kain yang cantik dan indah seperti kain songket atau 'kain tekat'. Ditepinya itu diletakkan pohon bunga telur dan di bawah pohon ini dihiasi dengan pulut kuning.
- vii) Bangsal-bangsal dibina seperti balai untuk marhaban. Khemah untuk tempat masak. Selalunya orang lelaki yang bertugas untuk memasak jamuan yang di adakan pada hari perkahwinan itu. Disamping itu air gula (sirap) juga dimasak dan dimasukkan dengan bau-bauan yang wangi seperti bunga ros dan bunga melor.
- viii) Bunga rampai disediakan yang diberikan kepada tetamu yang datang pada hari itu bersama dengan bunga telur.

Dua malam sebelum majlis perkahwinan, bakal pengantin perempuan akan diinaikan dan selalunya jari tangan dan jari kaki diinaikan. Selepas diinaikan pada malam seterusnya pula diadakan majlis berkhadam menandakan yang gadis ini telah selesai membaca sebuah Al'Quran. Adalah dipastikan yang bakal pengantin itu mesti menghabiskan Al'Quran daripada Al'Fatihah hingga ke Juzu'Amma.

Pada hari perkahwinan kerbau akan disembelih mengikut keupayaan belanja itu. Adakalanya seekor sahaja dan kadang-kadang dua ekor.

Pada waktu awal-awal pagi di hari itu, pengantin perempuan akan pergi ke rumah jiran yang paling rapat kerana di situ akan diadakan upacara mengandam yang ditempah khas oleh ibunya. Apabila Mak Andam tiba ia akan pergi ke rumah jiran untuk menemui gadis tadi. Disini ia akan mengadakan upacara berandam. Selalunya barang-barang seperti ini disediakan:-

- a) Limau perut
- b) Sireh pinang
- c) Bawang merah
- d) Sintuk
- e) Air sebuyung
- f) Bunga-bunga

Istiadat mengandam ini dimulakan dengan bacaan doa serta jampi oleh Mak Andam. Selepas itu kain bulu kering dirautkan dan mencukur pada bahagian yang tertentu seperti muka dan bahagian belakang serta tangan. Kemudian gadis itu ditepung tawar dan disuruh mandikan dengan air bujung supaya kelihatan berseri-seri. Gigi juga di asah dengan menggunakan halia yang telah dipotong halus dan di asah pada gigi dengan batu supaya gigi kelihatan rata dan cantik.

Pada waktu petangnya gadis itu dihiaskan dan diarakkan untuk pulang ke rumahnya. Kemudian pada waktu malam selepas Insyak diadakan pula upacara masuk pelamin. Gadis ini dihias dengan cantiknya oleh Mak Andam tadi dan di suruh duduk bertimpuh di atas katil lalu dibacakan doa selamat dan berselawat atas Nabit. Dimasa ini orang-orang tua dan kanak-kanak akan menyaksikan gadis ini. Selepas itu baharulah diadakan majlis persandingan yang selalunya diadakan pada pukul 12.00 malam. (tetapi sekarang persandingan diadakan pada waktu petang atau pukul 9.00 malam).

Selepas upacara masuk pelamin gadis ini dihias semula dengan pakaian yang lain dan kemudian diletak atas pelamin. Kedatangan pengantin lelaki disambut dengan Selawat atas Nabi dan diiringi dengan permainan kompang dan berarak. Pengantin lelaki dengan diiringi oleh pengiring lelaki lalu dibawa masuk untuk bersanding. Pengantin lelaki akan meminta kebenaran daripada Mak Andam untuk meletakkan pengantin lelaki disebelah pengantin perempuan. Selepas itu kedua-duanya disandingkan.

Kedua-dua pengantin ini boleh ditonton atau dilihat oleh semua yang datang. Mereka juga akan dibawa ke hadapan, ke anjung rumah dan ke atas beranda supaya semua peringkat yang hadir dapat melihat. Majlis ini ditamatkan apabila pengantin lelaki pulang ke rumahnya.

Pada keesokan paginya pengantin lelaki dengan rombongannya datang untuk menyambut pengantin perempuan ke rumah pengantin lelaki. Semasa pengantin lelaki berada di rumah pengantin perempuan kedua-duanya diletakkan di hadapan pelamin untuk diperkenalkan kepada keluarganya. Kemudian wakil daripada orang tua-tua akan bersalaman. Selepas jamuan ringan lalu kedua-duanya dibawa ke rumah pengantin lelaki.

Di rumah pengantin lelaki juga diadakan istiadat persandingan seperti mana yang diadakan di rumah pengantin perempuan.

Pada keesokan harinya pihak wakil perempuan akan menyambut pengantin lelaki dan perempuan balik ke rumah pengantin perempuan. Kemudian kedua-dua pengantin ini akan dibawa berjumpa dengan sanak-saudara dan sahabat handai keluarga perempuan. Selepas dua hari akan disambut pulang ke rumah lelaki dan di sana dibawa juga menziarahi kaum keluarganya dan sanak-saudara pihak lelaki.

Hingga di sinilah berakhirnya upacara pernikahan dan persandingan ini. Mereka berdua selalunya akan tinggal di rumah pengantin lelaki bersama-sama dengan keluarganya (ibu mertua) dan menguruskan kerja seperti biasa sehingga beranak cucu.

Tamat.

SEJARAH PERKHIDMATAN FERI PULAU PINANG

oleh
Sekolah Menengah Chung Hwa Confucian, Pulau Pinang.

Kepentingan perkhidmatan feri Pulau Pinang tidaklah dapat dinafikan. Tanpanya sukar bagi mengujudkan satu perpaduan antara penduduk Tanah Besar dan Pulau Pinang kerana ianya merupakan alat termurah untuk berulang alik dari kedua-dua tempat ini.

Sebenarnya perkhidmatan feri sepenuh masa yang pertama di Pulau Pinang telah dimulakan oleh mendiang Encik Quah Beng Kee dan saudara-saudaranya dalam tahun 1893/94. Perkhidmatan ini dijalankan di antara Jeti Kedah di Pulau Pinang dan beberapa tempat pendaratan di Seberang Perai di Tanah Besar. Ketika ini feri yang ada seperti sekarang belum lagi digunakan. Oleh itu lanci-lanci kecil berkuasakan wang digunakan untuk mengangkut penumpang-penumpang sahaja sedangkan kenderaan belum lagi didapati ketika itu.

Dalam tahun 1924 bekas Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang telah mengambil alih hakmilik perkhidmatan feri. Lembaga berusaha memperbaiki dan membesarkan lagi perkhidmatan feri supaya mempunyai kedayaan untuk mengangkut kereta-kereta yang pada ketika itu kian menjadi masyhur. Dalam tahun 1925 Jeti Church Street di Pulau Pinang dan Jeti Mitchell di Butterworth telah dibina dan sebuah feri baru berkuasa wap "Seberang" yang dibina di Singapura dimasukkan dalam perkhidmatan. "Seberang" boleh mengangkut penumpang-penumpang berjalankaki dan kereta-kereta.

Dalam tahun 1929 diperbesarkan kedua-dua jeti tadi dan dua buah kapal yang lebih besar lagi iaitu "Tanjung" dan Kulim mula berkhidmat. Ketiga-tiga feri ini berkhidmat mengikut kadar setengah jam.

Perkhidmatan feri diperbesarkan terus dan dalam tahun 1938 "Bagan" dimasukkan ke dalam perkhidmatan sementara "Seberang" pula di jual. Apabila Jepun menakluk Tanah Melayu pada bulan Desember 1944 feri-feri "Tanjung" dan "Kulim" di tenggelamkan di Pelabuhan Pulau Pinang dan "Bagan" dibawa ke Sumatera.

Selepas perang dalam tahun 1945, perkhidmatan feri telah dimulakan kembali oleh British Military Administration dengan menggunakan empat buah kapal perisai pendarat dan "Bagan" telah dibawa balik dari Sumatera. Lembaga Pelabuhan Pulau Pinang ditubuhkan semula dalam bulan April, 1946 dan ia telah mengambil alih feri-feri dan keempat-empat kapal perisai pendarat telah diubahsuai untuk menyediakan kemudahan tempat duduk bagi penumpang-penumpang.

Dalam tahun 1959, pengkalan feri yang sedia ada telah dibina dan lima buah feri baru yang boleh memuat dan memunggah dikedua-dua hujung telah dimasukkan ke dalam perkhidmatan feri. Pada masa ini feri-feri mempunyai dua tingkat. Tingkat atas dikhasakan untuk penumpang-penumpang berjalankaki dan tingkat bawah untuk kenderaan.

Sebuah feri lagi telah ditambah dalam tahun 1965. Seterusnya pada tahun 1971

dua buah feri lagi telah ditambah kepada bilangan enam buah feri yang ada. Seterusnya dalam tahun 1975 tiga buah feri kenderaan telah dimasukkan ke dalam perkhidmatan. Feri-feri ini menggunakan pengkalan-pengkalan feri baru yang terletak bersaing di sebelah pengkalan-pengkalan yang sedia ada. Ini bermakna bahawa hingga kini Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang mempunyai lapan buah feri penumpang kenderaan dan tiga buah feri kenderaan. Feri-feri penumpang kenderaan ialah Pulau Pinang, Pulau Pangkor, Pulau Tioman, Pulau Langkawi, Pulau Aman, Pulau Lumut, Pulau Redang dan Pulau Labuan. Sementara feri kenderaan pula ialah Pulau Undan, Pulau Rawa dan Pulau Talang-talang.

Sebagaimana yang diketahui perkembangan yang terbaharu berlaku telah diumumkan oleh Perdana Menteri kita baru-baru ini untuk menghubungkan Tanahbesar dan Pulau Pinang. Pengumuman itu ialah mengenai pembinaan jambatan yang akan menyambungkan kedua-dua tempat. Projek ini akan dimulakan dalam tahun 1980. Adalah menjadi harapan kita semua supaya projek ini akan berjalan lancar seperti yang dirancangkan.

Bahan Rujukan: Buku Cenderamata Sempena Majlis Pembukaan Rasmi Pengkalan-Pengkalan Feri Baru (Penerbitan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang).

obtain trading privileges from the 'Prince of Cochin-China'.²⁰ Chapman found that the civil war was worse than described by the mandarins. The ruling Nguyen and Trinh families were almost destroyed by the Tayson rebellion led by three brothers of peasant stock. But Chapman strongly advocated the advantages of opening trading relations with the country in view of the numerous Chinese junks which conveyed goods found at Canton resorting there. However, Hastings was sceptical of Chapman's report, and with troubles arising from the Marathas in India and the danger from French rivalry in the Bay of Bengal no more energy could be expended in the distant region of the South China Sea.

It was because of these factors also that Hastings had to abandon plans for the occupation of Junk Ceylon. In 1780 Light brought this island to Hastings's personal attention, and so convinced him of the suitability of that place as a collecting centre of local produce, including tin, that Hastings was sanguine about the occupation. But news finally reached India that France had declared war. The Junk Ceylon project was unsafe now in face of French hostility. It is interesting to note that interest in Junk Ceylon was purely commercial. There was no mention at all of strategic considerations by Light except in the casual closing sentence of his letter to Hastings:

"...should any accident oblige our Fleet to winter they will find it very useful."²¹

To wrest Junk Ceylon from its Siamese domination entailed the service of Company's troops. This the Company deemed unwise and preferred, if need be, to found a base in a place which would not necessitate the use of force.

The Angle-French war of 1778–1783, occasioned by the entrance of France in the American War of Independence, revived the need of a naval strategic base where British ships could shelter during the north-east monsoon period and rush back to defend their possessions on the eastern side of India before the French could get there. This need was emphasised by Suffren's battles with Admiral Hughes. The danger from Suffren's squadron menacing the Coromandel coast made observations on Suffren's movements more important than looking for a commercial base; for, once the French were allowed mastery of the eastern seas and British possessions in India taken no amount of such bases would benefit the British. Thomas Forrest was assigned to the task of watching out for Suffren in 1782. He operated in the region north of the Malacca Straits.²² Suffren's refitting depot was at Acheh from where he could control South-east Asian shipping, and make a dash against the British in India at the appropriate times. British country-traders suffered in the areas patrolled by the French squadron. And Scott blamed their losses on the "Inability or Inattention in Admiral Hughes..." This outburst of petulance is uncalled for because Hughes really fought five major battles with Suffren.²³ The need for a strategic base was most acute. Acheh automatically came to mind, and Hastings despatched Henry Botham to the Sultan in September 1782. He failed to meet the Sultan because of the intrigue of the Shahbandar who resented his presence. In a fit of exasperation Botham reported that the

20. V.T. Harlow: *Op. cit.*, pp. 97–102.

21. Light to Hastings, undated. *Additional Manuscripts*, 29, 210, f. 222v.

22. D.K. Bassett: "Thomas Forrest", *JMBRAS*, Vol. XXXIV, Pt. 2, 1961, p. 114.

23. V.T. Harlow: *The Founding of the Second British Empire, 1763–1793*, Vol. I, *passim*.

roadsteads of Acheh were "...by no means well shelter'd from the Northerly Monsoon, and the Islands which lay off them do not offer any Material advantages for Shipping, as far as they have yet been explored."²⁴ If Acheh could satisfy the French why not the British?

Thomas Forrest was keenly aware of this strategic issue, and soon after the war terminated in 1783, he talked Hastings into allowing him to make a survey of the Andamans and discover the possibilities of establishing a strategic base there. The French scare was still recent enough to put Hastings in the frame of mind to concede Forrest's request. In June of that year Forrest left for the Andamans, but was blown off course and landed in the Mergui Archipelago. Surveying that area, he fixed on St Matthew's Island recommending it to Hastings on 7 June 1784.²⁵

While Forrest went about on this mission greater events were happening in the Riau-Johore empire between the Bugis and the Dutch which were to end in a temporary Dutch hegemony of the Straits. Riau had become an entrepot²⁶ which traders of many nations visited annually. The British country-traders were no exceptions. The Dutch watched this commercial activity with envy and covetousness, but were too weak to take the offensive at that time. Offensive action, they realised, would further deplete their meagre resources without any effectual benefits accruing. Scott says in his report to Dundas that the Dutch "...could ill brook a port of Competition so near their Capital, and they determined without passable pretext to Ruin the King of Johore and his trading Port of Rhiow." Scott is right in commenting on the attitude of the Dutch in relation to the rocketing volume of trade at Riau. But it was not only the competition offered to Malacca which roused the ire of the Dutch: it was also Riau's flagrant disregard for the existing treaties between them. To bring in a finer point, it was because of this flagrant disregard of treaties that Riau was able to command such a prosperous trade. The uneasy peace which existed between the Dutch and Raja Haji, the Yang Dipertuan Muda of Riau came to an end in February 1782 with the *Betsy* incident. Scott's narration of this incident does not give the true picture of the event because he confused Raja Haji with 'the King'. Either Scott took Raja Haji to be the Sultan ('the King') or he really thought of the Sultan himself. But Sultan Mahmud was only a figure-head, a receptacle for the loyalism of his subjects; the real power lay with Raja Haji. And it was Raja Haji, not the 'King', who determined Riau's relationship with the Dutch Company in Malacca during Pieter Gerardus de Bruijn's governorship.

24. Botham's Report, 17 December 1782. *Home Miscellaneous Series*, Vol. 219, f. 607. India Office Library.

25. Forrest to Hastings, 7 June 1784. *Additional Manuscripts*, 29, 164, f. 171.

26. Daing Kamboja, the Bugis Yang-di-pertuan Muda (or Under-king), who was the power behind the throne assiduously encouraged traders from all over the place to come trade at Riau. When he was succeeded by Raja Haji in 1777, the same vigorous encouragement to trade was given. Riau trade affected the Dutch far more seriously than any other development. The tin trade of Banka which was monopolised by the Dutch in 1770, was wrested from them. Riau became the centre for British, French, and Portuguese ships bringing piece-goods and opium, and for Chinese and local ships bringing silk, tea, pearls, spices and other local products. Of special importance to the British traders was the tin available in huge quantities at Riau. It enabled the country-traders to aid the Company in meeting its remittance to China. Trade was so extensive and valuable that Riau overshadowed Malacca, the once great emporium of Southeast Asian commerce. Riau ignored the commercial treaties made with Dutch Malacca and imported tin from Banka, pepper from East Borneo, Indragiri and Palembang.

Before the occurrence of the **Betsy** incident a Dutch Resident, Gerrid Pangal, was stationed in Riau. It is well to bear in mind that the Dutch were in league with the French against the British at that time. The cause leading to the war of 1782-1784 presented itself when a British trader which was attacked by the French as she was on her way to sell opium to Riau,²⁷ threw herself on the mercy of Raja Haji at Pulau Bayan, Riau. The Dutch Resident, Pangal, was covetous of the cargo of this unfortunate ship, and induced Raja Haji to allow the Dutch to seize her, promising him a share in the booty. Greed overcame his good sense and he connived at Pangal's suggestion. Immediately, Pangal communicated with de Bruijn in Malacca who sent a passing French corvette to Riau. The **Betsy** was taken while anchoring at Pulau Bayan. Captain Geddes made his personal escape with 59,600 Spanish dollars from the sale of a part of the opium, and paid the cash at Canton. The captured **Betsy**, however, was taken to Batavia. Raja Haji was refused his share of the loot because, according to Maxwell, the Dutch felt that their combined strength with the French was strong enough to defy the Bugis.²⁸ The **Tuhfat al-Nafis** recorded that Raja Haji made a pact with the Dutch stipulating that enemies of the latter would be his enemies, and that if Raja Haji participated, the seized booty was to be shared equally between the Dutch and the Bugis.²⁹ The **Tuhfat al-Nafis** corresponded with the Dutch account in this. But, however the agreement was framed, the Dutch did not intend to let Raja Haji have a share on the spurious grounds that he merely gave a passive concurrence to Pangal's request. The Dutch connotation of the word 'participation' was equivocal, and they did not consider Raja Haji's assent as participation.

The situation was ripe for war. Raja Haji expected Selangor and Rembau Bugis to aid him if war should break out finally; the Dutch thought they could rely on the French, on Siak and on Perak, for help. Raja Haji was quite confident he could defeat the Dutch who had no effective naval strength in the Straits to combat that of the Bugis. In 1782 he "approach[es] Malacca with a considerable force, in order to give more weight to his demand." (Scott). The Dutch account did not mention this, but the truth of Scott's statement could be borne out by the account given in the **Tuhfat al-Nafis**.³⁰ When his overtures were rejected then and there he repudiated all the treaties between the Bugis and the Dutch. He then returned to Riau, perhaps because he had not enough men to start an offensive at that moment.

In 1783 Raja Haji declared war on Malacca. The Dutch decided on a preventive

-
27. The **Betsy** was captained by Robert Geddes and loaded with 1,466 chests of opium with instructions to sell the opium at Riau in order to cover a loan which Hastings had made to equalise the remittance in China. See H. B. Morse: **Chronicles of the East India Company trading to China**, Oxford, 1929, II, p. 76.
 28. W. E. Maxwell: "Raja Haji," **JSBRAS**, No. 22, 1890, p. 173.
 29. *Op. cit.* p. 212 (from the translation of the section of the **Tuhfat al-Nafis** concerning the war of 1784: pp. 212-223).
 30. The **Tuhfat-al-Nafis** says that Raja Haji went to Malacca (the date is not given but it can be deduced accurately a little further down the text) "to enquire as to this [the defraudment of his share of the spoils]..." When he reached Muar he was met by a Dutch official, Abraham [de Wind], and the **Kapitan Melayu** of Malacca. Raja Haji made his representation to these two, informing them he wanted a share in the spoils from the English ship because it was he who told the Dutch about her, and, moreover, she was taken in his domain. These reasons were rejected by the two agents. See the Jawi text of the **Tuhfat al-Nafis** by Raja Ali Haji as given in **JMBRAS**, Vol. 10, Pt. 2, 1932, p. 156 ff.

